

# **TADABBUR AL-QURAN: PENGAJARAN DARIPADA KISAH HARUT DAN MARUT**

**Afnan Hamimi Bin Khairi  
Faiz Irfani Bin Khalidi  
Muhammad Hazman Bin Zamzuri**

Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Jalan Hamzah, 44000 Kuala Kubu Bharu Selangor.

**Abstrak:** Harut dan Marut adalah dua malaikat yang diutus oleh Allah ke negeri Babylon. Nama kedua malaikat ini ada disebutkan dalam Al-Quran. dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Artikel ini membawa tafsir daripada surah al-baqarah ayat 102 dan asbab nuzul ayat.. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat aspek pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia iaitu kewajipan mengikut syariat agama yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW dan sebagainya.

## Pendahuluan

Al-Quran merupakan sumber utama dan pertama dalam ajaran Islam, kitab suci yang terakhir diturunkan Allah dengan perantaraan Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad saw sebagai kunci dan kesimpulan dari isi semua kitab-kitab suci yang pernah diturunkan Allah kepada Nabi dan Rasul yang diutus Allah sebelum Nabi Muhammad. Mengkaji al-Quran merupakan tugas bagi umat Islam untuk memahami pesan Allah, hal ini terus berkembang seiring dengan keperluan umat Islam.

Mengkaji al-Quran dan meneroka isinya adalah tugas bagi umat islam. Suatu kerugian besar apabila umat islam tidak mepedulikan kajian mengenai kandungan al-Quran, kerana sikap ini akan mematikan generasi qurani pada masa yang akan datang. Allah dan Rasul-Nya dalam beberapa ayat dan hadis sentiasa memberikan motivasi agar hati orang-orang Islam selalu terpaut untuk membuat penyelidikan terhadap berbagai pengertian yang terkandung di dalam al-Quran.

Al-Quran mengandungi keterangan dan penjelasan tentang keimanan, perbuatan-perbuatan baik, pahala dan dosa , kisah-kisah orang terdahulu dan teladan yang dapat diambil dari pengalaman mereka.

Kisah merupakan salah satu faktor psikologi yang penting dan digunakan dalam alQuran untuk mengemukakan bantahan terhadap berbagai kepercayaan yang salah, untuk memujuk dan menakut-nakuti, menerangkan prinsip-prinsip dakwah islamiyah dan memantapkannya, serta mengukuhkan hati diantara Nabi Muhammad dan orang-orang mukmin. Allah telah menetapkan bahawa dalam kisah orang-orang terdahulu yang diceritakan dalam al-Quran terdapat hikmah serta pelajaran bagi orang-orang yang berakal yang mampu merenungi kisah-kisah itu, menemukan padanya hikmah dan nasihat, serta menggali dari kisah-kisah itu 'ibrah dan petunjuk hidup. Sebagaimana firman Allah dalam QS. Yūsof: 111

لَقَدْ كَانَ فِي قَصصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman. (QS. Yūsof: 111)

Sebagaimana yang telah dikemukakan, bahawasanya dalam al-Quran banyak terdapat kisah-kisah umat terdahulu yang diterangkan oleh Allah agar manusia dapat mengambil pelajaran daripadanya, salah satunya adalah kisah Hārūt dan Mārūt di negeri Babilon. Kisah keduanya disebutkan di dalam al-Quran surat al-Baqarah: 102

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ۗ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ ۗ وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ الْمَلَائِكَةِ بِبَابِلَ ۗ هَارُوتَ وَمَارُوتَ ۗ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ ۗ فَلَا تَكْفُرْ ۗ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ ۗ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۗ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ ۗ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنفُسَهُمْ ۗ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan

Sulaiman (dan mereka mengatakan bahwa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan lah yang kafir (mengerjakan sihir). mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil yaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorang pun sebelum mengatakan: "Sesungguhnya kami hanya cobaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir". Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya, dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudharat dengan sihirnya kepada seorangpun, kecuali dengan izin Allah. Dan mereka mempelajari sesuatu yang tidak memberi mudharat kepadanya dan tidak memberi manfaat. Demi, sesungguhnya mereka telah meyakini bahwa barangsiapa yang menukarnya (Kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat, dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, kalau mereka mengetahui. (QS. al-Baqarah: 102)

## Sorotan Literatur

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/352), kebanyakan ulama Salaf berpendapat bahwa Harut dan Marut adalah dua malaikat dari langit, dan bahwa kedua-dua mereka diturunkan ke bumi, kemudian terjadilah apa yang dialami oleh kedua-dua mereka. Kisah kedua-dua mereka itu disebutkan dalam hadis Imam Ahmad nanti. Berdasarkan pengertian ini, bererti dari penggabungan antara pendapat ini dengan dalil yang menyatakan bahwa para malaikat itu terpelihara dari kesalahan dapat disimpulkan bahwa peristiwa yang dialami oleh kedua-dua malaikat ini sejak zaman azali diketahui oleh ilmu Allah SWT. Dengan demikian, bererti peristiwa ini merupakan kekhususan bagi kedua-dua mereka. Maka tidak ada pertentangan pada kedua-dua dalilnya, seperti juga yang diketahui oleh ilmu Allah SWT mengenai perkara Iblis dalam keterangan tafsir yang terdahulu (Jasmi, 2018). Tidak bertentangan pula dengan pendapat yang menyatakan bahwa pada awalnya iblis merupakan segolongan dari malaikat.

## Asbab Nuzul Ayat

Ibnu al-Dahaq menyatakan bahwa mengetahui asbabun nuzul ayat merupakan metode utama dalam memahami maksud yang terkandung dalam al-Quran. Mengetahui sebab turunnya ayat-ayat al-Quran mengandung banyak manfaat, kerana hal itu bertepatan dengan sejarah. Dengan mengetahui sebab turunnya ayat, akan memudahkan para mufassirin dalam memberikan makna dan menghilangkan kesulitan atau keraguan dalam menafsirkan al-

Quran. Allah menyebutkan kata Hārūt dan Mārūt dalam al-Quran hanya pada satu tempat, yaitu pada surat al-Baqarah: 102

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ ۖ وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ الْمَلَائِكَةِ بِبَابِلَ ۖ هَارُوتَ وَمَارُوتَ ۚ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ ۖ فَلَا تَكْفُرْ ۗ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَرَوْجِهِ ۚ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۗ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَقٍ ۗ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنفُسَهُمْ ۗ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahwa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal

Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan lah yang kafir (mengerjakan sihir). mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil yaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorang pun sebelum mengatakan: "Sesungguhnya kami hanya ujian (bagimu), sebab itu

janganlah kamu kafir". Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya, dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudharat dengan sihirnya kepada seorangpun, kecuali dengan izin Allah. Dan mereka mempelajari sesuatu yang tidak memberi mudharat kepadanya dan tidak memberi manfaat. Demi, sesungguhnya mereka telah meyakini bahwa barangsiapa yang menukarnya (Kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat, dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, jika mereka mengetahui. (QS. al-Baqarah: 102)

Ayat ini mengisahkan bagaimana orang Yahudi di kalangan ahli kitab yang menafikan rasul-rasul dan mengikut apa yang diajarkan oleh syaitan ketika pemerintahan Nabi Sulaiman AS dengan mengamalkan sihir yang ternyata ajaran syaitan. Mereka menyeru kepada manusia untuk mengikuti ajaran mereka dengan menggunakan sihir dan menyatakan ianya daripada ajaran Nabi Sulaiman AS.

Perihal ayat ini menceritakan suatu lokasi, Babil atau dikenali sebagai Babylon yang hebat dengan empayar kekuasaannya dan terbukti yang menjadikan mereka hebat adalah dengan bantuan syaitan apabila mereka menggunakan sihir dalam kehidupan mereka

Ayat ini juga menjelaskan serta memberi pengajaran kepada kita supaya tidak memfinah dan mendakwa malaikat dengan dakwaan yang tidak benar kerana malaikat adalah perantaraan daripada Allah SWT untuk memberikan pengajaran tertentu kepada sesuatu kaum.

Kaum Babil telah memfitnah Malaikat Harut dan Marut dengan menyatakan mereka hadir ke muka bumi dengan melakukan kerosakan dengan hawa nafsu mereka dan melakukan perkara yang tidak baik terhadap wanita serta akhirnya dihukum sehingga ke hari kiamat.

Sedangkan kedatangan malaikat ini hadir pada ketika itu untuk menyatakan kepada kaum Babil perbezaan antara mukjizat para nabi dan sihir yang mereka lakukan.

Malaikat ini telah membuktikan kepada kaum Babil bahawa apa yang mereka amalkan selama ini yang mereka dakwa ianya daripada Nabi Sulaiman AS adalah sihir daripada syaitan dan bukannya ajaran Nabi Sulaiman AS. Malaikat Harut dan Marut juga hadir menjelaskan kepada masyarakat Babil bahawa ajaran agama Islam tidak memerlukan sihir untuk mengajak orang ramai memeluk Islam seperti yang mereka amalkan dalam menyeru masyarakat kepada agama.

Malaikat ini telah menunjukkan sihir kepada mereka secara terperinci dan ingin menyatakan bahawa apa yang mereka amalkan selama ini ternyata dusta sama sekali. Namun malang bagi penduduk Babil, mereka tidak dapat melihat sihir yang ditunjukkan oleh Malaikat Harut dan Marut itu sebagai batil, bahkan mereka telah menggunakan sihir itu untuk memisahkan antara suami dan isteri dan meruntuhkan rumah tangga. Di dalam Al-Quran, Allah SWT menerangkan mudarat sihir tidak akan boleh terjadi hanya dengan kuasa Allah SWT. Allah SWT mentakdirkan seseorang terkena mudarat asbab kerana sihir namun hakikatnya Allah SWT yang menimpakan mudarat itu kepada mereka

### **Pengajaran Daripada Kisah Harut Dan Marut**

1. Umat Islam dan umat manusia wajar mengetahui, memahami, dan seterusnya beriman dan beramal dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.
2. Bahawa pentingnya menjadikan rukun iman sebagai pedoman di dalam hidup. Kita harus beriman dengan adanya Allah, malaikat, Kitab-kitab-Nya, Hari akhir, dan qadha' maupun Qadar-

Nya. Tidak seperti orang yahudi yang selalu mendustakan ajaran-ajaran Allah. Mereka tidak mempercayai apa yang digariskan oleh Nabi-nabi sebelumnya.

Larangan melakukan perbuatan syirik, tidak diragukan lagi bahawa syirik adalah satusatunya larangan yang paling sering disebutkan di dalam al-Quran dengan berbagai cara, secara langsung mahupun tidak langsung. Termasuk firman Allah tersebut dan konteks ayat tersebut. Dalam kisah tersebut perbuatan sihir yang menjadikan kaum Yahudi sesat, mereka menggunakannya untuk melakukan perkara-perkara yang tidak bermanfaat.

Kita harus mengambil atau mempelajari ilmu yang diterima (disisi Allah) kerana sudah tentunya ilmu tersebut adalah ilmu yang dapat memberi manfaat kepada pemiliknya.

Dalam kisah Harut dan Marut ini kita diajarkan untuk mengambil pelajaran dari kisah tersebut, dan menanamkan keyakinan dalam diri kita bahawa pelajaran yang terpenting adalah untuk tidak mengulangi lagi perbuatan-perbuatan tercela tersebut. kerana apabila sudah melakukan perbuatan tercela tersebut natijahnya adalah kita akan mengulanginya berkali-kali.

Dalam kisah Harut dan Marut Allah memberikan pesan kepada kita, ketika diberi cobaan maka jalankanlah semampu kita. Allah berfirman, "yang ,menjadikan mati dan hidup, supaya

Dia menguji kamu, siapa diantara kamu yang lebih baik amalnya (al:Mulq:2)

### **Kesimpulan**

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui dan menjadikan kisah Harut dan Marut sebagai teladan dalam kehidupan. Kedua-dua Harut mengikut riwayat yang paling diterima adalah merupakan golongan malaikat (Ibn al-Kathir, 1999: 1/352) sebagai mana juga Iblis merupakan golongan ini sebelum dilaknat walaupun Iblis pada asalnya dicipta daripada api (Surah al-Baqarah, 2: 34).

Kes mereka berdua tidak terpakai untuk semua jenis malaikat yang bersifat taat dan tidak memiliki unsur nafsu. Oleh itu, tidak boleh dijadikan malaikat ini sebagai ukuran dengan malaikat yang lain kerana sifat mereka sudah dibezakan dengan ciri yang lain, iaitu selain unsur malaikat, mereka berdua juga dibekalkan dengan nafsu sebagaimana manusia yang lain.

## Rujukan

- ‘Awad Ma‘ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. Perseteruan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39). Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 25hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. Bani Israil dan Ilmu Sihir serta Kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 102-103). Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 7hb Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. Bani Israil dan Kecintaan Kepada Dunia dan Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-98). Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 21 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92). Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Malik, Anas. 2004. Muwatta'. Muhammad Mustafa al-A‘zami (Ed.). Al-Imarat: Mu‘assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A‘mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. Sahih Muslim. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.